

# Program tingkat kemahiran, penguasaan bidang pertanian

Bidang pertanian mempunyai potensi untuk dikembangkan dan digemblengkan sehingga mampu menjana pendapatan yang lumayan.

Ia semakin menjadi pilihan anak muda termasuk graduan universiti pelbagai bidang untuk menceburinya secara komersial.

Justeru, Persatuan Mahasiswa Sains Pertanian, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan University College Agrosience Malaysia (UCAM) mengadakan Minggu Mahasiswa Pertanian Malaysia, baru-baru ini.

Dekan Fakulti Teknikal dan Vokasional UPSI, Profesor Madya Dr Ridzwan Che' Rus yang merasmikan program yakin komitmen mahasiswa menganjurkan program itu akan



**MAJLIS perasmian yang disempurnakan Prof Madya Dr Ridzwan.**

meningkatkan kemahiran dan penguasaan mereka terhadap bidang pertanian.

"Minggu Mahasiswa Pertanian Malaysia adalah medan perkongsian antara mahasiswa dan pensyarah bagi memantapkan lagi pengetahuan dalam kalangan mahasiswa pertanian," katanya.

Sementara itu pengarah program yang juga Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Sains Pertanian UPSI, Mohammad Hafiz Zaa'im berkata, program

yang diadakan itu diadakan bertujuan memberi taklimat dan pendedahan kepada mahasiswa mengenai sektor pertanian di Malaysia selain merapatkan ukhuwah perkenalan mahasiswa pertanian dari pelbagai universiti.

Program yang diadakan secara dalam talian itu juga katanya, memberi peluang perkongsian ilmu sesama mahasiswa dari pelbagai universiti untuk menambah pengetahuan mengenai operasi dan potensi bidang

pertanian dalam menjana pendapatan menerusi kaedah pemasaran yang berkesan.

"Program ini juga meningkatkan tahap keyakinan diri mahasiswa dalam membentuk moral dan keterampilan diri dalam pertanian serta melahirkan mahasiswa yang mempunyai minat dalam bidang keusahawanan pertanian," katanya.

Diadakan secara dalam talian dan langsung di Facebook Live Page

Mahasiswa Pertanian Malaysia, antara program yang turut diadakan sempena Minggu Usahawan Tani termasuklah ceramah berkaitan Asas Ternakan Ruminan oleh Mohammad Hafiz Zaa'im dari Persatuan Mahasiswa Sains Pertanian (PERSSAP) UPSI; Pemasuan Semula Tanaman Hiasan (Nurul Natasya Noordin, Kelab Pendidikan Sains Pertanian, Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia) dan Akuaponik (Ee Chan Hong, Persatuan Mahasiswa Teknologi Kejuruteraan, UPSI) Vertical Farming (Wan Muhammad Irfan Wan Mohd Norisham, Agrotechnology Club, Fakulti Industri Asas Tani, Universiti Malaysia Kelantan) dan Asas Fertigasi oleh Abu Naim Bakri dari Majlis Perwakilan Pelajar, Kolej Universiti Agro Sains Malaysia.

Program bersama industri pula membabitkan ceramah Pemasaran Dalam Perniagaan Tani oleh Hazwani Ahmad Tarmizi

dari Fakulti Teknikal Dan Vokasional UPSI; Bicara Usahawan Tani 'Mahasiswa Dan Penternak' (Alwafi Nordin, Mahasiswa Doktor Perubatan, Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan program Sembang Mentor Tani dengan tajuk 'Peranan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam Pertanian Generasi Baru'

Slot Bicara Usahawan Tani dengan tajuk Sembang Tani Bersama Panel Nordin Abdul Malek iaitu pemilik institusi kemahiran swasta dan terbabit dalam TVET Pertanian dari peringkat sekolah hingga ke antarabangsa.

Nordin mengupas tajuk Peranan TVET Dalam Pertanian Generasi Baru. Sekali gus memberi banyak input mengenai TVET dalam konteks generasi hari ini.

Program itu ditonton oleh 5,941 dan sebanyak 264 perkongsian.